

TARIKH: 5/6/23  
SURAT KHABAR: Utusan Malaysia  
MUKA SURAT: 39

## Pekebun kecil di Klebang kekurangan pekerja

**MELAKA 3 JUN:** Kebanyakan pekebun kecil di Dewan Undangan Negeri (DUN) Klebang menghadapi masalah kekurangan tenaga buruh terutama pekerja asing menyebabkan hasil tidak dapat dikutip untuk dijual.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Klebang, Datuk Lim Ban Hong berkata, beliau menerima banyak aduan daripada pekebun kecil di sini mengenai masalah untuk mendapatkan pekerja asing selepas perintah kawalan pergerakan (PKP).

Sehubungan itu, beliau akan membawa perkara tersebut ke Kementerian Sumber Manusia dan Jabatan Tenaga Buruh (JTK) bagi membantu pekebun kecil di sini mendapatkan tenaga kerja khususnya pekerja asing.

"Pekebun kecil yang mengusahakan tanaman buah-buahan, sayur-sayuran dan sebagainya menghadapi masalah kekangan pekerja sejak selepas PKP.

"Sebanyak 11 pengusaha membabitkan kawasan seluas 15 hektar yang masih aktif dengan tanaman tembikai, pisang, jagung, jambu, sayuran dan mangga di DUN Klebang.

"Bagi pengusaha tanaman padi di kawasan seluas 815 hektar di sini, mereka tidak berdepan dengan masalah kekurangan tenaga buruh," ujarnya kepada pemberita selepas melawat kebun buah jambu di Stulang Daeng, Bukit Rambai dekat sini semalam.

Ban Hong berkata, langkah lain untuk mengatasi masalah kekangan pekerja di mana setiap pengusaha perlu mentransformasikan kebun secara tradisional kepada cara moden.

Katanya, sudah tiba masanya pengusaha kebun kecil di sini meneroka menggunakan peralatan dan teknologi moden secara berperingkat-peringkat bagi mengurangkan kebergantungan kepada tenaga pekerja asing.

Utusan Malaysia  
MS 39 5/6/23